

# PM : Malaysia tidak harus tergilaz jadi negara industri baru

M.N. 16 JUL 1989

**K**UALA LUMPUR 15 Julai - Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak harus "tergila-gila" untuk menjadi sebuah negara perindustrian baru (NIC) kerana status tersebut akan menimbulkan masalah besar yang boleh menjejaskan kebahagiaan rakyat.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan sebenarnya tidak berniat untuk mencapai status tersebut kerana ia akan mengakibatkan negara ini menjadi mangsa kepada negara-negara maju yang sememangnya tidak bersikap jujur terhadap negara-negara membangun.

"Kita mahu mencari kehidupan yang lebih selesa. Kalau tidak dipanggil NIC atau negara kurang maju pun tidak mengapa. Yang penting kita hidup lebih bahagia," katanya semasa berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU) di sini petang ini.

Dalam pengumuman yang dianggap mengejutkan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, semua pihak khususnya ahli ekonomi, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, pegawai-pegawai kerajaan dan media massa tidak harus mewujudkan suasana bahawa Malaysia "tergila-gila" untuk menjadi negara NIC.

"Saya berharap mereka ini termasuk media massa tidak lagi menonjolkan seolah-olah Malaysia tergila-gila untuk jadi negara NIC sebagaimana Hong Kong, Taiwan, Korea Selatan dan Singapura," katanya.

Beliau menegaskan, walaupun taraf NIC dianggap tinggi namun jika Malaysia mencapainya, ia akan mengakibatkan negara "ditekan" oleh negara-negara maju yang hanya berpura-pura untuk melihat negara-negara membangun berjaya.

"Mereka akan memaksa matawang kita dinaikkan sehingga segala keluarga kita tidak dapat bersaing dengan keluaran mereka (negara maju).

"Mereka juga akan memaksa kita mengurangkan eksport dan menyekat segala galakan yang kita beri kepada mana-mana pihak," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, negara-negara maju dan kaya seboleh-bolehnya akan menindas negara-negara membangun seperti Malaysia yang mahu mencapai taraf NIC supaya hasrat tersebut gagal.

"Pendek kata kita tidak dapat mengangkat kepala kita, jauh sekali untuk menjadi negara NIC," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau menyatakan perkara tersebut kerana terdapat kecenderungan oleh banyak pihak sejak kebelakangan ini, yang begitu ghairah mem-

perkatakan tentang usaha, hasrat dan peluang Malaysia untuk menjadi NIC.

Mengenai tuntutan tuntutan pergerakan sekerja khususnya dari CUEPACS dan MTSU, yang antaranya meminta kerajaan mengkaji semula soal tuntutan elaun bantuan khas, kerusi senator bagi pekerja awam di Dewan Negara dan pengiktirafan untuk gaji bagi juruteknik, beliau berkata:

"Saya tidak dapat memutuskan perkara tersebut hari ini. Ia memerlukan kajian kerana ia melibatkan kepentingan rakyat."

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, walaupun beliau menyedari bahawa sokongan majoriti adalah penting bagi seseorang ahli politik, namun demi kepentingan negara dan rakyat beliau tidak boleh sewenang-wenangnya membuat keputusan atau tindakan yang popular.

"Pertimbangan bukan sahaja diambil untuk tujuan populariti tetapi kesannya terhadap semua," katanya.

Beliau berkata, kerajaan berharap kesatuan kesatuan sekerja khususnya sektor awam akan mengutamakan sikap kerjasama dan bertolak ansur dalam sebarang perundingan dengan pihak majikan.

Katanya, pengalaman sejarah hubungan antara kerajaan dan kesatuan kesatuan sekerja awam jelas menunjukkan bahawa lebih banyak faedah dan manfaat dapat diperolehi daripada kerjasama kedua-dua pihak.

Perdana Menteri juga memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus memastikan sektor swasta diberi galakan untuk mewujudkan seberapa banyak peluang pekerjaan.

"Syarat-syarat yang lama yang lebih menekankan penyertaan penduduk tempatan dan bumiputera dalam modal atau ekuiti dikurangkan atau digugurkan sama sekali, kerana semasa kemelesetan bahagian Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang diutamakan ialah pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum," ujarnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan walaupun peluang pekerjaan semakin bertambah namun pengangguran masih menjadi masalah kerana ramai yang terlalu memilih kerja atau memilih tempat untuk bekerja.

"Ramai yang mungkin tidak sanggup meninggalkan kampung halaman untuk mengejar kerja. Ramai yang percaya bahawa kerja-kerja tertentu tidak sesuai bagi mereka," jelasnya.

Beliau berkata, pembangunan negara memerlukan pertumbuhan berbagai bidang ekonomi kerana ia juga turut meningkatkan pendapatan pekerja.